

B B432 AAB
MAHATHIR - DADAH

SUBANG, 10 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PERLANTIKAN BELIAU SEBAGAI PRESIDEN PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI PENYALAHGUWAAN DAN PENGEDARAN DADAH (ICDAIT) DI VIENNA BARU-BARU INI MENDAPAT SOKONGAN PENUH GREAT BRITAIN, HUNGARY DAN SOVIET UNION.

BELIAU BERKATA SEMASA PERTEMUANNYA DENGAN PEMIMPIN DI KETIGA-TIGA NEGARA BERKENAAN, MEREKA MEMBANGKITKAN PERKARA ITU DAN PENDIRIAN MEREKA JELAS MENYOKONG PERLANTIKAN BERKENAAN SERTA HUKUMAN MATI YANG KENAKAN OLEH MALAYSIA KEPADA PENGEDAR NAJIS DADAH.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN DI SINI SEKEMBALINYA DARIPADA LAWATAN SELAMA KIRA-KIRA TIGA MINGGU KE NEGARA-NEGARA BERKENAAN.

MENURUT PERDANA MENTERI, KETIKA BELIAU DI BRITAIN, ORANG-ORANG KENAMAAN YANG DITEMUINYA MENYOKONG HUKUMAN MATI YANG DIKENAKAN OLEH MALAYSIA TERHADAP PENGEDAR-PENGEDAR NAJIS DADAH.

MEREKA MENGANGGAP DADAH SEBAGAI BERBAHAYA DAN KELEMAHAN DALAM UNDANG-UNDANG NEGARA MEREKA MENGAKIBATKAN PENGEDARAN DADAH LEBIH MELUAS, TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA SUNGGUHPUN SECARA RASMI MEREKA TIDAK MENYOKONG HUKUMAN MATI YANG DIKENAKAN KEPADA PENGEDAR DADAH DI NEGARA INI, NAMUN SECARA PERIBADI MEREKA TETAP MENYOKONGNYA. --
BERNAMA

2232MST 10 08 87